

>> Perbuatan mengimport ayam, daging dan itik proses sejuk beku tanpa permit dari MAQIS satu kesalahan



**EKSKLUSIF**

ANTARA daging dan ayam sejuk beku yang disita MAQIS.

# 18 KONTENA DAGGING RAGU

Skuad Khas Harian Metro  
am@metro.com.my

■ Penguat kuasa MAQIS rampas 500 tan ayam, itik dan daging sejuk beku diseludup dari China

**R**ampasan 18 kontena mengandungi lebih 500,000 kilogram (kg) ayam, itik dan daging sejuk beku yang diseludup dari China mengundang persoalan mengenai status halal bahan mentah itu kerana kemungkinan ada yang pernah lolos dan berada di pasaran. Sindiket penyeludupan antarabangsa yang dipercayai turut dianggotai warga tempatan itu cuba menyeludup masuk bahan mentah berkenaan tanpa permit, siji halal dan siji kesihatan melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor. Bagaimanapun, cubaan mereka gagal apabila dikesan petugas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

(MAQIS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDM) yang melakukan pemeriksaan. Tindakan tidak beretika syarikat penyeludup 'hantu' itu memberi impak besar kepada kepentingan masyarakat Islam negara ini khususnya dalam isu makanan halal, selain turut menjelaskan kesihatan pengguna secara keseluruhan termasuk boleh menyebabkan kematian. Ketua Pengarah MAQIS Mokhtarud-din Husain berkata, hasil pemeriksaan dilakukan ke atas 18 kontena dari China itu pihaknya

**FAKTA**  
Mungkin ada burung-burung yang pernah lolos dan berada di pasaran

menemui 446,400kg ayam proses sejuk beku ditemui di dalam 16 kontena. "Kami turut menemui 28,967kg daging proses sejuk beku di dalam sebuah kontena lain dan 28,876kg ayam, daging serta itik proses sejuk beku di dalam satu lagi kontena yang diimport ke Malaysia." katanya. Menurutnya, sindiket berkenaan begitu licik memperdaya pihak berkuasa kerana siasatan mendapati syarikat yang didaftarkan sebagai penerima didapati tidak wujud sama sekali. Beliau berkata, sitaan itu

yang terbesar membabitkan pelabuhan di Johor setakat ini dan berdasarkan maklumat, semua barangan sejuk beku itu dihantar ke beberapa lokasi di Lembah Klang. "Hasil semakan kita mendapati mereka menggunakan kontena berlogo ketika masuk ke kawasan bebas cukai dan keluar dari gudang dengan kontena tanpa logo. "Alasan diberikan barangan dibawa akan dihantar ke Singapura. Namun dengan kerjasama IKDM, kita berjaya mengesan taktik itu yang dilakukan untuk mengelak daripada membayar cukai." katanya kepada Harian Metro. Mokhtarud-din berkata, hasil pemeriksaan pihaknya juga tidak menemui sebarang

dokumen halal pada barangan terbabit sedangkan ia syarat wajib untuk mendapatkan permit import. "Selain itu, pengimportan daging dan ayam ke Malaysia memerlukan permit import dari MAQIS, siji halal dan siji kesihatan," katanya. Mokhtarud-din berkata, perbuatan mengimport ayam, daging dan itik proses sejuk beku tanpa permit dari MAQIS satu kesalahan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan 2011 (Akta 728). Jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 11 (3) akta sama yang memperuntukkan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

